Harian METRO

TARIKH	1 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	13	RUANGAN	setempat

'Saya bertuah'

Pemuda didaftar ibu terpilih tunai haji

Lambaian Kaabah

>>Oleh Syah Rul Aswari Abdullah
srul@hmetro.com.my

PETALING JAYA: "Tidak sia-sia ibu mendaftarkan nama saya dengan Tabung Haji ketika saya baru 17 tahun" kata Rahmat Hidayat, 26, antara bakal haji muda yang terpilih untuk mengerjakan ibadat haji tahun ini.

Peniaga minyak pelincir berasal dari Rawang itu berkata, dia amat bertuah dapat mengerjakan Rukun Islam kelima itu ketika masih bertenaga berbanding sebahagian besar jemaah lain yang sudah uzur kerana faktor usia.

Menurutnya, dia tidak menyangka mendapat peluang itu memandangkan puluhan ribu orang memohon untuk menunaikan haji setiap tahun.

"Saya tidak pernah terfikir dalam usia sebegini muda berpeluang menjadi sebahagian tetamu-Nya," katanya ketika ditemui di Kompleks Tabung Haji di Kelana Jaya, baru-baru ini.

Menurutnya, Tabung Haji menghubunginya Mei lalu, memberitahu dia terpilih selepas sembilan tahun mendaftar.

"Saya tidak dapat gambarkan perasaan apabila menerima berita gembira itu dan berdoa supaya dapat mengerjakan haji dengan sempurna dan beroleh haji mabrur," katanya.

Dia berharap pemergiannya ke Tanah Suci memberi semangat kepada adik beradiknya yang lain untuk mengerjakan haji pada usia muda.

"Saya anak sulung dan ibu juga sudah daftarkan lima lagi adik saya dengan Tabung Haji," katanya.

Sementara itu, ibunya, Rawimah Johari, 49, dia menyarankan ibu bapa supaya mendaftarkan nama anak mereka dengan Tabung Haji walaupun masih muda.

"Jangan tunggu sehingga terlewat," katanya.

Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan TH

Harian METRO

TARIKH	1 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	13	RUANGAN	Setempat

BERTUAH...Rahmat (kiri) bersama ibunya, Rawimah (tiga dari kanan).